

Headline	SPNB terima 91,206 permohonan RMR1M		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Dec 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	14	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	338 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,651
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,953



SPNB terima 91,206 permohonan RMR1M

Kulim: Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) menerima 91,206 permohonan Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) dari seluruh negara sehingga 30 November lalu, kata Pengerusi SPNB Mesra Sdn Bhd, Datuk Mohamed Hasnan Che Hussin.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, 48,005 permohonan diluluskan dengan 40,821 unit siap dibina.

"Ini menunjukkan permintaan terhadap RMR1M semakin meningkat. Bagi negeri Kedah, kami menerima sejumlah 9,279 permohonan dan daripada jumlah itu, sebanyak 5,347 permohonan telah diluluskan," katanya selepas Program Jom Raikan Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia Peringkat Kulim-Bandar Baharu di sini, semalam.

Majlis disempurnakan oleh disempurnakan Ahli Parlimen Kulim-Bandar Baharu, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir.

Beliau juga berkata 5,000 rumah

akan dibina bagi generasi kedua FELDA pada tahun hadapan dengan lokasi pembinaan ditentukan oleh pengurusan FELDA.

75 rumah dilulus

"Bagi daerah ini (Kulim/Bandar Baharu), FELDA memilih FELDA Gunung Bongsu sebagai lokasi dengan rancangan membina 180 rumah. Setakat ini, pembinaan 75 rumah sudah diluluskan," katanya.

Abdul Aziz berkata permohonan untuk RMR1M di Kulim-Bandar Baharu masih kurang, iaitu 356 permohonan, dengan 211 daripadanya telah diluluskan dan 157 unit telah siap dibina.

"Paling utama, masih ramai yang takut mencagarkan tanah mereka kepada SPNB bagi pembinaan rumah, jadi bagi mereka yang ada tanah, terutama tanah pusaka, jangan risau kerana SPNB ada kaedah terbaik," katanya.

- BERNAMA



[FOTO HIASAN]

Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia generasi Kedua Felda dibina SPNB penuhi permintaan rakyat.